

**SIARAN AKHBAR**

**9 Mei 2017**

**EKUINAS AKHIRI 2016 DENGAN POSITIF**

**Fakta Utama: -**

- Dana Pertama, *Ekuinas Direct (Tranche I) Fund* terus menunjukkan prestasi mantap, dengan merekodkan **Pulangan Portfolio Kasar** berjumlah **RM466.4 juta**, pada **Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar tahunan** sebanyak **13.1%** dan **IRR bersih** sebanyak **9.4%**, melebihi sasaran jangka panjang minima tahunan sebanyak 12%.
- Pada masa yang sama, Dana Kedua *Ekuinas Direct (Tranche II) Fund* mencatat Pulangan Portfolio Kasar sebanyak **RM331.6 juta** dengan **IRR kasar tahunan** sebanyak **18.1%** dan **IRR bersih tahunan** sebanyak **12.7%**.
- Pada TK2016, Ekuinas melaksanakan tujuh (7) pelaburan langsung dan menerusi penyumberan luar dengan jumlah RM172.6 juta. Ini menjadikan jumlah kumulatif pelaburan komited yang dilaksanakan oleh Ekuinas sebanyak 53 berjumlah hampir RM3.0 bilion. Jumlah ini, ditambah dengan modal swasta, telah menjadikan jumlah pengagihan modal berjumlah RM3.6 bilion yang memberikan impak positif bagi ekonomi Malaysia.
- Melalui aktiviti pelaburannya, Ekuinas telah meningkatkan Nilai Ekuiti Bumiputera sebanyak **RM3.9 billion** atau **1.4 kali** modal dilabur dan peningkatan Jumlah Nilai Pemegang Saham sebanyak **RM5.6 billion** atau **2.0 kali** modal dilabur, menggambarkan kejayaan berterusan model Ekuinas dalam meningkatkan nilai pemegang saham untuk Bumiputera dan semua warga Malaysia.

**KUALA LUMPUR, 9 Mei 2017:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, mengumumkan hari ini pencapaian berterusan mereka yang menggalakkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 (TK2016) hari ini. *Ekuinas Direct (Tranche I) Fund* merekodkan Pulangan Portfolio Kasar berjumlah RM466.4 juta, dan untuk Dana Kedua, *Ekuinas Direct (Tranche II) Fund* mencatatkan Pulangan Portfolio Kasar berjumlah RM331.6 juta.

Dalam ucapan beliau, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan berkata, “Saya gembira Ekuinas berjaya mengekalkan prestasi untuk mencapai kedua-dua objektif kewangan dan sosial yang telah ditetapkan yang memberi kesan positif dan bermanfaat kepada semua rakyat Malaysia walaupun berhadapan dengan keadaan ekonomi yang mencabar. Pencapaian Ekuinas setakat ini membuktikan keberkesanan strategi Kerajaan dalam memperkenalkan pendekatan yang inovatif untuk meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera melalui model ekuiti persendirian.”

Beliau berkata, “Semenjak ditubuhkan, Ekuinas telah melaksanakan 53 pelaburan kumulatif melalui Program Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar, berjumlah hampir RM3.0 bilion, dan bersama-sama modal swasta, telah menggerakkan penempatan modal sebanyak RM3.6 bilion yang memberi kesan positif buat ekonomi Malaysia.”

“Bagi TK2016, Ekuinas melaksanakan komitmen pelaburan sebanyak RM172.6 juta dalam tujuh (7) pelaburan langsung dan penyumberan luar. Ini termasuk dua (2) pelaburan langsung dengan komitmen modal yang terikat sebanyak RM123.2 juta.”

Keputusan diumumkan oleh Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato’ Seri Arshad Raja Tun Uda. Beliau berkata, “Dana Pertama *Ekuinas Direct (Tranche I) Fund* berjaya mencapai Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar tahunan sebanyak 13.1% dan IRR bersih tahunan sebanyak 9.4%. Pada masa yang sama, Dana Kedua, *Ekuinas Direct (Tranche II) Fund* merekodkan IRR kasar tahunan pada 18.1% dan IRR bersih tahunan sebanyak 12.7%. Untuk tahun ketujuh berturut-turut, Ekuinas telah berjaya mencapai IRR melebihi sasaran minima sebanyak 12% setahun.

*Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund* mencapai pulangan portfolio kasar sebanyak RM120.7 juta, dengan IRR kasar tahunan sebanyak 9.8% dan IRR bersih 8.7%. Program Penyumberan Luar Ekuinas juga berkembang secara ketara dengan lima (5) pelaburan baharu dilaksanakan oleh firma-firma ekuiti persendirian di bawah program tersebut berjumlah RM80.6 juta, dengan komitmen Ekuinas sebanyak RM49.4 juta. Ini termasuk

pelaburan peruncitan, barangan pengguna laris (FMCG), pembuatan dan sektor perkhidmatan.

2016 juga menyaksikan Ekuinas melupuskan pelaburan pertamanya dalam Alliance Cosmetics Group (ACG), yang telah menjana hasil kasar bernilai RM61.8 juta dengan IRR sebanyak 9% dan pulangan 1.5 kali modal dilabur. Pelupusan ini sejajar dengan langkah Ekuinas untuk mengukuhkan portfolio *Ekuinas Direct (Tranche I) Fund*, sebagai sebahagian daripada strategi pelaburan bagi menjamin IRR yang positif, di samping memastikan Dana sulung Ekuinas ini direalisasikan dalam masa yang ditetapkan.

Dalam pembentangan beliau, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir berkata, “Kami percaya yang keadaan pasaran yang mencabar telah memberikan kami peluang untuk meningkatkan dan menyesuaikan strategi syarikat dalam portfolio kami dan inisiatif penciptaan nilai yang dilaksanakan telah membantu membina perniagaan yang mampan. Untuk TK2016, semua syarikat portfolio sedia ada telah menjana lebih daripada RM1.6 bilion melalui perolehan dan RM392.3 juta dalam EBITDA.”

Dari segi pencapaian objektif sosial, Ekuinas telah berjaya meningkatkan Nilai Ekuiti Bumiputera sebanyak RM3.9 bilion, atau 1.4 kali ganda modal yang dilaburkan. Pada masa yang sama, Jumlah Nilai Pemegang Saham untuk semua syarikat portfolio meningkat RM5.6 bilion, bersamaan dengan 2 kali ganda modal dilabur, yang mencerminkan kejayaan model ekuiti persendirian Ekuinas dalam meningkatkan nilai pemegang saham untuk Bumiputera dan warga Malaysia.

Sementara itu, Ekuinas telah menyediakan peluang pekerjaan kepada 498 pengurus dan 16,038 kakitangan melalui syarikat-syarikat portfolio pada penghujung tahun 2016, yang mana 40.4% pengurus dan 60.3% kakitangan terdiri daripada golongan Bumiputera. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 16.9% dan 29.7% masing-masing untuk pengurus dan kakitangan Bumiputera, semenjak kemasukan Ekuinas ke dalam syarikat-syarikat ini.

Ketika menghuraikan keputusan TK2016, Syed Yasir Arafat juga menerangkan, “Strategi kami untuk terus melangkah ke hadapan adalah dengan meningkatkan keupayaan dan kepakaran kami supaya selari dengan aspirasi kami untuk menjadi firma ekuiti persendirian yang ternama di rantau ini dan mengulangi kejayaan yang telah kami kecapai dengan syarikat-syarikat dalam portfolio sedia ada.”

- Tamat -

### **Profil Ekuinas**

Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) merupakan syarikat pengurusan ekuiti persendirian berkaitan kerjaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Dengan peruntukan dari kerajaan bernilai RM5 billion, Ekuinas mensasarkan untuk membina syarikat-syarikat terkemuka generasi baru dan menggalakkan pembabitan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan mampan. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat-syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor-sektor sasaran utama seperti barang pengguna laris (FMCG), minyak dan gas, logistic, pendidikan, runcit dan penjagaan kesihatan..

### **Hubungan Media:**

**Sunita Kanapathy**, Ogilvy Public Relations KL, [sunita.kanapathy@ogilvy.com](mailto:sunita.kanapathy@ogilvy.com) 012-226 1216

**Yasmeen Kaoosji**, Ogilvy Public Relations KL, [yasmeen.kaoosji@ogilvy.com](mailto:yasmeen.kaoosji@ogilvy.com) 016-698 5237